

1

Maklumat berikut merupakan urus niaga yang diperoleh daripada perniagaan Kedai Buku Aziz.

Membayar hutang kepada Pembekal Buku Sinar RM8 500 dengan cek dan menerima diskaun RM200.

Apakah kesan urus niaga di atas terhadap persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Hasil
A	Berkurang RM8 500	Berkurang RM8 700	Bertambah RM200
B	Bertambah RM8 300	Bertambah RM8 500	Bertambah RM200
C	Bertambah RM8 500	Bertambah RM8 700	Berkurang RM200
D	Berkurang RM8 300	Berkurang RM8 500	Berkurang RM200

2

Tahun kewangan Kedai Runcit Amiruddin berakhir pada 31 Mei 2011. Data berikut diperoleh daripada buku perniagaannya.

	RM
Kenderaan	15 000
Tunai	4 500
Bank (overdraf)	1 750
Akaun Belum Bayar	2 050
Akaun Belum Terima	3 550

Berapakah modal pada tarikh 31 Mei 2011?

- A** RM16 250
- B** RM19 250
- C** RM19 750
- D** RM22 750

3

Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Waris.

	RM
Untung bersih	3 675
Modal awal	32 000
Aset	58 916

Berapakah liabiliti Perniagaan Waris?

- A** RM23 241
- B** RM26 916
- C** RM30 591
- D** RM35 675

4

Berikut merupakan kesan satu urus niaga terhadap persamaan perakaunan yang diperolehi daripada Kedai Alat Tulis Rejang.

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
RM -350	RM -400	RM +50

Pernyataan manakah yang menunjukkan urus niaga di atas?

- A Menjelaskan hutang bernilai RM400 dengan cek RM350, diskaun diterima RM50
- B Menerima bayaran bernilai RM350 daripada Akaun Belum Terima, diskaun diberi RM50
- C Sebuah mesin taip bernilai RM400 dijual secara kredit pada harga RM350
- D Inventori alat tulis bernilai RM350 dijual secara kredit pada harga RM400

5

Nilai manakah yang menepati persamaan perakaunan?

	Liabiliti RM	Aset RM	Modal RM
A	2 000	8 000	10 000
B	11 000	5 000	6 000
C	4 000	12 000	16 000
D	4 000	16 000	12 000

SPM 2017

6

Pada akhir tempoh perakaunan, buku perniagaan Tuah Mini Market mempunyai baki seperti berikut:

	RM
Aset	50 000
Liabiliti	19 350

Berapakah modal awal jika perniagaan Tuah Mini Market mengalami kerugian sebanyak RM6 630?

- A RM24 020
- B RM30 650
- C RM37 280
- D RM62 720

7

Butiran berikut dipetik daripada buku Perniagaan Simon:

Aset	Liabiliti	Modal
RM36 090	RM4 780	P

Perniagaan Simon memperoleh rugi bersih sebanyak RM5 000. Hitung nilai **P**.

- A RM35 870
- B RM45 870
- C RM26 310
- D RM36 310

Maklumat berikut menunjukkan kesan terhadap persamaan perakaunan.

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
Berkurang	Berkurang	Bertambah

Urus niaga manakah menepati kesan berkenaan?

- A** Membuat bayaran kepada Akaun Belum Bayar sebanyak RM900 secara tunai
- B** Membayar ansuran pinjaman RM1 300 dan faedah pinjaman RM200 dengan cek
- C** Jualan tunai RM4 700 bagi inventori berkos RM4 500 telah digunakan untuk menjelaskan Akaun Belum Bayar
- D** Menerima bayaran daripada Akaun Belum Terima sebanyak RM5 100 dengan cek untuk menyelesaikan hutang sebanyak RM5 300

9

Pemilik Kedai Alatan Pejabat Lim telah berkunjung ke Kedai Perabot Tan untuk membeli rak pameran. Kedai Perabot Tan menggunakan komputer untuk merekod urus niaga perniagaan.

Berdasarkan situasi di atas, klasifikasi akaun manakah yang tepat untuk kedua-dua perniagaan?

	Perniagaan	Aset Semasa	Aset Bukan Semasa
I	Kedai Alatan Pejabat Lim	Inventori - Alatan Pejabat	Perabot
II	Kedai Alatan Pejabat Lim	Inventori - Perabot	Alatan Pejabat
III	Kedai Perabot Tan	Inventori - Perabot	Alatan Pejabat
IV	Kedai Perabot Tan	Inventori - Alatan Pejabat	Perabot

- A** I dan II
- B** I dan III
- C** II dan IV
- D** III dan IV

10.

Urus niaga berikut berlaku dalam Kedai Makan Ria pada bulan Oktober 2016:

Bangunan premis kedai dibesarkan dan kerja ini dibiayai dengan pinjaman bank RM50 000.

Apakah kesan urus niaga di atas terhadap Penyata Kedudukan Kewangan Kedai Makan Ria?

- A** Aset bertambah, liabiliti bertambah, Ekuiti Pemilik berkurang.
- B** Aset bertambah, liabiliti berkurang, Ekuiti Pemilik tidak berubah.
- C** Aset bertambah, liabiliti tidak berubah, Ekuiti Pemilik bertambah.
- D** Aset bertambah, liabiliti bertambah, Ekuiti Pemilik tidak berubah.